

Model Keusahawanan sosial pembuatan produk kalsium organik Halalan Toyyiban dalam kalangan komuniti pesisir: kajian KES di Terengganu, Malaysia

Dara Aisyah, author

Deskripsi Lengkap: <https://lib.ui.ac.id/detail?id=20439536&lokasi=lokal>

Abstrak

Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah melakukan usahasama dengan komuniti pesisir untuk mengumpul dan memproses sisa tulang ikan daripada pembekal filet ikan. Usahasama di antara penyelidik UMT, komuniti pesisir dan para usahawan membolehkan pemindahan ilmu dalam pengurusan sisa tulang ikan. Kalsium organik hidroksiapatit dalam produk yang terhasil berupaya menyerap dan membuang toksik dalam prototaip penapis air berkalsium. Hasil yang berkualiti inimerupakan halalan toyyiban yang mempunyai nilai komersial. Projek ini berjaya menjana peluang pekerjaan baharu dan meningkatkan pendapatan komuniti pesisir dan usahawan. Masyarakat umum pula mendapat bekalan kalsium dan pelbagai produk makanan dan minum berkhasiat, produk penapis air minum serta produk-produk lain yang berasaskan hidroksiapatit. Tujuan kajian ini adalah untuk memindahkan ilmu pemprosesan tulang ikan daripada penyelidik kepada komuniti dan usahawan. Usaha sama antara universiti, komuniti dan industri ini mengaplikasikan pendekatan kejuruteraan sosial berdasarkan model keusahawanan sosial.